

Bantuan kerajaan bawa limpahan ekonomi

MOHD. SHARIZA ABDULLAH | 17 Disember 2016 12:26 PM



Najib Tun Razak meninjau kawasan sekitar Pantai Nenasi sambil diberi penerangan mengenai masalah hakisan pantai dan pelan mengatasi masalah tersebut ketika mengadakan lawatan kerja ke pantai tersebut di Nenasi hari ini. - UTUSAN ONLINE/MAHATHIR ALI

PEKAN 17 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan pimpinannya sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat menerusi pelbagai bentuk bantuan yang diberikan secara berterusan kepada mereka.

Perdana Menteri berkata, hanya mereka yang ada mata tetapi tidak mahu melihat atau sengaja mahu menghasut rakyat yang menafikan bantuan menyeluruh diberikan oleh kerajaan itu.

Beliau berkata, jika dilihat di negara lain, tidak mungkin ada bantuan kebajikan seperti yang diberikan kerajaan pimpinan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Sekiranya dilihat daripada pelbagai sudut, memanglah bantuan diberikan bukan kerana kita mahu rakyat terus bergantung kepada kerajaan, kita mahu rakyat berdikari dan bekerja keras.

"Namun, keperluan asas yang amat diperlukan rakyat, maka bagi saya sebagai ketua kerajaan, menjaga kebajikan rakyat hendaklah diutamakan kerajaan.

"Sebagai contoh, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang bukan sahaja untuk kebajikan rakyat tetapi dari segi teori ekonomi pun menjadikan satu suntikan membawa kepada limpahan berganda kepada ekonomi tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis ramah mesra bersama masyarakat anjuran Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kampung Nenasi Pantai, di sini hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa melawat Kompleks Perikanan LKIM Nenasi dan meninjau kesan hakisan pantai berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kee Hwa di sini.

Dalam program sehari di daerah ini, beliau yang juga Ahli Parlimen Pekan turut menziarahi seorang warga emas, Bidah Hamid, 78, yang lumpuh sejak lima tahun lalu di Kampung Sepauk, Nenasi Darat. - UTUSAN ONLINE